

08 MAR 1997

MAJLIS PERNIAGAAN M'SIA-AFRIKA SELATAN TINGKAT DAGANGAN, PELABURAN

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Presiden Afrika Selatan Nelson Mandela hari ini berkata penubuhan Majlis Perniagaan Malaysia Afrika Selatan menunjukkan bahawa masyarakat perniagaan begitu serius dalam merebut peluang diwujudkan oleh hubungan mesra antara Malaysia dan Afrika Selatan.

Bercakap di majlis makan tengah hari, Mandela berkata kerajaan Afrika Selatan menganggap sektor swasta sebagai kuasa dinamis bagi pertumbuhan dan pembangunan dan begitu terdorong oleh pelancaran majlis tersebut.

"Ia menyediakan satu forum bagi ahli-ahli perniagaan bertemu agar mereka boleh menangani masalah serta berkongsi maklumat mengenai peluang-peluang yang ada di kedua-dua buah negara," tambahnya.

Mandela berkata majlis itu akan menambah kuasa kepada perdagangan dan pelaburan yang semakin berkembang yang memanfaatkan hubungan antara Malaysia dan Afrika Selatan.

"Bagi perniagaan Afrika Selatan dan Malaysia, ia akan menjadi satu saluran yang bernilai bagi menerokai pengalaman dan kemahiran, dan sebagai satu ruang kepada peluang-peluang baru," kata Mandela.

Katanya anggota majlis Malaysia akan mendapati rakan seperjuangannya benar-benar berminat menjalankan perniagaan dan banyak yang dapat ditawarkan bagi meraih keuntungan perdagangan dan pelaburan di Afrika Selatan dan negara-negara di selatan Afrika di mana dasar-dasar ekonomi, kestabilan politik dan program pembinaan semula dan pembangunan kini mewujudkan iklim perniagaan yang menggalakkan.

Majlis perniagaan itu dilancarkan bersama oleh Mandela dan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di majlis makan tengah hari yang dianjurkan oleh Dewan Perniagaan dan Industri Kebangsaan (NCCIM) bagi menghormati Mandela.

Bagi sembilan bulan pertama 1996, jumlah dagangan antara Afrika Selatan dan Malaysia bernilai AS\$389 juta (RM968.6 juta), naik 3.9 peratus daripada tempoh yang sama tahun 1995.

Jumlah eksport Malaysia ke Afrika Selatan pada tempoh tersebut bernilai AS\$216 juta (RM537.8 juta) berbanding dengan import dari Afrika Selatan bernilai hanya AS\$174 juta (RM433.26 juta), mencerminkan lebih dagangan yang memihak kepada Malaysia. -- BERNAMA

MK MA